

BAB LIMA

*PERANAN DAN SUMBANGAN
JABATAN MUFTI KERAJAAN*

BAB LIMA

PERANAN DAN SUMBANGAN JABATAN MUFTI KERAJAAN

5.0 Pedahuluan

Semangat dan kesungguhan masyarakat Negara Brunei Darussalam dalam mempelajari dan mendalami pengetahuan mereka tentang ajaran agama Islam sangat tinggi. Selain dari belajar di kelas-kelas agama atau di institusi-institusi pembelajaran agama, sebahagian mereka lebih suka dan mengutamakan penjelasan hukum syarak melalui fatwa Mufti Kerajaan, terutama dalam perkara-perkara baru yang masih menjadi kesamaran. Kepekaan dan kesedaran masyarakat Brunei, dalam menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna, menyebabkan Jabatan Mufti Kerajaan menjadi tumpuan dan rujukan pihak kerajaan dan masyarakat untuk mendapat penjelasan ketentuan hukum syarak. Peranan utama Jabatan Mufti Kerajaan ialah mengeluarkan fatwa sebagai penjelasan ketentuan hukum syarak terhadap permasalahan yang dihadapkan kepada Mufti Kerajaan. Selain mengeluarkan fatwa Jabatan Mufti Kerajaan memberi *irsyād* (panduan dan bimbingan) kepada masyarakat tentang ketentuan hukum-hukum yang berbangkit dan kehendak-kehendak ajaran agama Islam yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat dan keadaan semasa. Dengan adanya panduan dan bimbingan tersebut, kehendak-kehendak hukum syarak dapat difahami dan dihayati sehingga lahir sikap positif terhadapnya. Selain itu Jabatan

Mufti Kerajaan juga mempunyai komitmen untuk menjadi pusat sumber ilmu pengetahuan Islam dan penyebarannya.

5.1 Sumbangan Jabatan Mufti Kerajaan Melalui Pengeluaran Fatwa

Sebagaimana yang dimaksudkan dari pembentukan institusi fatwa Negara Brunei Darussalam iaitu untuk menangani serta menyelesaikan segala permasalahan hukum yang timbul. Maka peranan besar yang disumbangkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan melalui pengeluaran fatwa ialah:

- i. Membantu kerajaan menegakkan hukum Islam dan menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara.
- ii. Membentuk kehidupan masyarakat menurut ketentuan hukum Islam.

5.1.1 Fatwa Membantu Kerajaan Menegakkan Hukum Islam Dan Menerapkan Nilai-Nilai Islam Dalam Pentadbiran Negara.

Sebagai sebuah negara yang berideologikan Islam, pihak kerajaan berusaha menerapkan nilai-nilai Islam dan prinsip-prinsipnya dalam pentadbiran negara. Fatwa

Mufti Kerajaan adalah antara sandaran pihak kerajaan dalam membuat dasar-dasar pentadbirannya. Selain daripada kekuatan fatwa itu sendiri, sikap para pegawai kerajaan khususnya mereka yang berperanan dalam membuat dasar pentadbiran juga merupakan unsur penting dalam menjayakan usaha tersebut. Sebelum membuat keputusan atau tindakan, pegawai-pegawai berkenaan merujukkan mana-mana perkara yang berkaitan dengan agama kepada Mufti Kerajaan. Dalam hal ini Jabatan Mufti Kerajaan berusaha sedaya upaya memberi penjelasan hukum syarak dengan berpegang teguh kepada prinsip ketulinan ajaran Islam disamping mengambil kira perkembangan semasa. Fatwa-fatwa yang disampaikan kebanyakannya mendapat perhatian daripada pihak kerajaan bahkan sebahagian dari fatwa-fatwa berkenaan telah dijadikan sebagai sumber dan garis panduan dalam membuat keputusan dan tindakan. Komitmen pihak kerajaan dalam usaha menegakkan hukum Islam dan menerapkan nilai-nilainya ke dalam pentadbiran Negara Brunei Darussalam terbukti dalam beberapa perkara seperti contoh-contoh berikut:

1. Pendaftaran Anak Angkat Dan Anak Luar Nikah

Menasabkan anak adalah merupakan perkara penting dalam agama Islam kerana Islam amat mengambil berat dalam menjaga kesucian keturunan. Walaupun demikian, terdapat segelintir manusia yang kurang faham dalam memenuhi kehendak hukum syarak mengenainya. Mereka beranggapan perkara menasabkan anak itu adalah perkara remeh sahaja. Keadaan ini menyebabkan, anak-anak telah didaftarkan dengan

menasabkan anak tersebut kepada orang yang bukan bapanya seperti anak angkat dan anak luar nikah.

Pada tahun 1961 permasalahan ini dirasakan semakin membimbangkan berbagai pihak dalam sektor kerajaan terutama kepada pihak Pendaftaran Kebangsaan yang terlibat dalam urusan menentukan kedudukan kerakyatan anak berkenaan dan sebagainya. Terdapat sebahagian anak angkat yang berasal dari luar negeri telah dibinkan atau dibintikan kepada bapa angkatnya yang memegang warga negara Brunei. Sebahagiannya pula anak-anak angkat berkenaan bukan dari keluarga yang beragama Islam. Selain masalah kewarganegaraan, pihak berwajib juga ingin mengetahui sama ada perbuatan mendaftarkan anak angkat kepada bapa angkatnya itu dibolehkan dalam agama Islam.

Menurut fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti kerajaan, memanggil anak angkat dengan meletakkan binnya atau bintinya kepada nama bapa angkat dengan membuang dan meninggalkan nama bapanya sebenar adalah perbuatan orang-orang jahiliah. Bahkan ada antara anak-anak angkat tersebut mewarisi harta pusaka bapa angkatnya. Agama Islam melarang keras perbuatan tersebut. Anak angkat itu bukan anak benar dan wajiblah dipanggil anak angkat itu dengan dinasabkan kepada bapa-bapa mereka yang sebenarnya dan jika tidak diketahui bapa mereka, maka bolehlah kamu panggil mereka dengan berkata fulan maula fulan.¹

Larangan tersebut dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya:

وَمَا جَعَلَ أَذْعَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ ذَلِكُمْ يَأْتُوكُمْ وَاللَّهُ يَسْقُوْلُ الْحَقَّ وَهُوَ يَسْهُدِي
الْأَسْبِيلَ ⑥ أَذْعَوْهُمْ بِأَنَّهُمْ مُؤْفَسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ تَعْمَلُوا إِبَانَهُمْ
فِي أَخْوَانِكُمْ فِي الدِّينِ وَمَسْوِلِكُمْ وَلَمْ يَسْعِ عَلَيْنَكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ يَهُ وَلَكِنْ مَا
تَعْمَلُتُ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ②

Tafsirnya: "Dan Allah Taala juga tidak menjadikan anak-anak angkat kamu sebagai anak kamu sendiri. (Segala yang kamu dakwakan mengenai perkara-perkara) yang tersebut itu hanyalah perkataan kamu dengan mulut kamu sahaja. Dan (ingatlah) Allah menerangkan yang benar dan Dialah jua yang memimpin ke jalan yang betul. Panggilah anak-anak angkat itu dengan berbinkan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai maula-maula kamu. Dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi."

Dalam hujjahnya, Mufti Kerajaan memetik hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim dan Abu Daud daripada Sa'ad bin Abi Waqqas r.a, bahawa Nabi s.a.w telah bersabda, maksudnya: "Sesiapa mengaku orang lain sebagai bapa dan ia mengetahui bahawa orang itu bukan bapanya, maka adalah syurga itu haram baginya." Hikmat ditegah dan dilarang dalam Islam akan seorang bernasab kepada lain daripada bapanya atau lain daripada nasabnya, kerana perbuatan itu perbuatan tiada terima kasih dan tiada mengenang budi kepada orang yang menjadikannya. Selain itu perbuatan tersebut mendatangkan kesamaran dan bercampur aduk perkara wali nikah

dan perkara waris-waris pusaka dan bercampur aduk kehidupan sehari-hari di antara kaum keluarga bapa angkat dengan anak angkat dalam batasan halal haramnya.³

Untuk membendung gejala tersebut dari terus berlaku di kalangan masyarakat Negara Brunei Darussalam, fatwa berkenaan telah dikuatkuasakan melalui Warta Kerajaan Brunei bilangan 238 yang bertarikh 1961. Dengan itu, pendaftaran anak angkat mestilah dinasabkan kepada bapa sebenar anak berkenaan.

Menasabkan anak luar nikah kepada bukan bapanya juga sangat membimbangkan masyarakat dan kerajaan. Terdapat segelintir orang yang tidak bertanggungjawab terhadap agama Islam senghaja menasabkan (meletakkan bin atau binti) anak luar nikah itu kepada seseorang yang tidak ada kena mengena dengan anak berkenaan. Dalam fatwa yang menjawab pertanyaan daripada pihak Pesuruhjaya Pendaftaran Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam, Mufti Kerajaan menjelaskan bahawa anak yang tiada diketahui bapanya dengan sah tidak boleh dibinkan atau dibintikkan kepada lelaki yang bukan bapanya. Anak tersebut bolehlah dibinkan atau dibintikkan kepada Abdullah atau Abdul Rahman atau nama-nama Allah yang lain dengan tujuan Abdullah di sini ialah hamba Allah s.w.t bukan orang yang tertentu. Selain itu anak berkenaan boleh juga dinasabkan kepada perempuan yang melahirkannya kerana nyata nasabnya.⁴

Dalam fatwa yang lain, ketika menjelaskan permasalahan seorang wanita Islam mendaftarkan nama seorang lelaki Islam lain yang masih hidup sebagai suami dan bapa kepada anak yang dilahirkannya sedang lelaki berkenaan tidak kena mengena dengan perempuan berkenaan, Mufti Kerajaan dengan tegas menjelaskan bahawa tidak boleh dan haram menjadikan nama seseorang laki-laki Islam lain sebagai suaminya dan bapa kepada anaknya kerana perbuatan itu adalah bohong. Menyambung nasab kanak-kanak kepada bukan bapanya yang sebenar itu adalah dilarang dan haram.⁵

Mufti Kerajaan seterusnya menekankan bahawa tidak boleh seseorang Islam bersetuju dengan perbuatan bohong seperti itu. Beliau menyifatkan melakukan pendaftaran tersebut adalah bodoh dan dusta terhadap nasab kanak-kanak. Siapa yang bersetuju berbuat bohong pada nasab kanak-kanak itu akan menanggung dosa selama-lamanya hingga Hari Kiamat. Bahkan ia menjadi kafir jika dia menghalalkan perubahan nasab kanak-kanak berkenaan.⁶

Berikut penjelasan tersebut berbagai langkah telah diambil oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam membendung perbuatan yang melanggar hukum syarak itu. Antaranya, Kementerian Kesihatan telah menetapkan, dalam prosedur rawatan terhadap ibu-ibu yang mengandung, supaya ibu-ibu berkenaan menghadapkan sijil nikah mereka pada tarikh awal perjanjian pemeriksaan dibuat. Tujuannya ialah untuk mencatitkan segala keterangan ibu bapa anak yang bakal dilahirkan. Keterangan inilah

yang akan dibawa kepada pihak yang berkenaan untuk mendaftarkan kelahiran anak tersebut.

2. Merancang Keluarga

Mencegah kehamilan adalah perkara yang sungguh popular di dunia antarabangsa yang berpunca daripada beberapa teori ahli ekonomi yang khuatir akan kesempitan rezeki di masa yang akan datang. Teori ini telah berkembangluas hingga ke Negara Brunei Darussalam. Namun penduduk Negara Brunei Darussalam tidak cepat terpengaruh dengan teori berkenaan kerana ramai yang meraguinya. Mereka berasa sangsi kerana kefahaman awal yang telah diterapkan kepada mereka ialah Islam mengalakkkan umat yang banyak. Ini dapat diperhatikan daripada awal alam perkahwinan iaitu ketika memilih jodoh. Sabda Rasulullah s.a.w :

تَرْوِيْجُ الْوَلُودَ الْوَدُودَ

Maksudnya: "Kahwinilah perempuan yang peranak dan penyayang"

Dalam hadis yang lain Rasulullah s.a.w bersabda yang maksudnya:

"Sesungguhnya akan berbangga dengan kamu umat yang banyak."

Teori di atas jelas bertentangan dengan firman Allah s.w.t :

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَنْثَيَةٌ إِمْلَاقٌ نَّعْنَزُ فُرْجَهُمْ وَإِبَاحَةٌ إِنْ قَاتَلُوكُمْ كَانَ
يُعَذَّبُنَّا كَبِيرًا ⑦

Tafsirnya: “Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar.”

Kementerian Kesihatan adalah pihak yang terlibat secara langsung dalam perlaksanaan program tersebut. Sehubungan dengan itu, Setiausaha Tetap kementerian berkenaan telah memohon pandangan daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei melalui suratnya bil: KK/PENT/32/1988 Pt.3 bertarikh 22 Jun 1988. Permohonan tersebut dipanjangkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama kepada Mufti Kerajaan. Atas permintaan tersebut, Mufti Kerajaan telah mengeluarkan fatwa yang antaranya telah menasihatkan bahawa adalah lebih baik bagi Kementerian Kesihatan merundingkan perkara bagaimana hendak membiakkan penduduk Negera Brunei Darussalam kerana dianggarkan penduduk Negara Brunei Darussalam termasuk pendatang berjumlah kira-kira 230,000 jiwa berbanding orang Brunei asli hanya kira-kira 150,000 jiwa. Bagaimana hendak menjadikan penduduk asli lima juta atau sepuluh juta dan tidak seperti Singapura, orang Melayu kira-kira 300,000 sementara pendatang hampir dua juta, supaya munasabah dengan keluasan Negara Brunei Darussalam 2226 batu persegi. Ramai penduduk itu menguatkan ketahanan negara daripada segi pertahanan, ekonomi, sosial dan pertanian.⁸

Daripada segi agama, Nabi Muhammad s.a.w bermegah dengan ramai umat baginda. Maka sayugia mengikut sunnah Rasulullah itu, Kementerian Kesihatan akan dapat banyak pahala yang tidak putus-putus sebab umat Islam banyak di Negara Brunei Darussalam. Tiap-tiap seorang Islam ada kelebihannya iaitu dengan banyak anak kecil di Negara Brunei Darussalam, negara akan terpelihara daripada mala petaka atom dari Vietnam dan atom dari Pangkalan Amerika di Filipina, sebagaimana tersebut dalam sebuah hadis yang kira-kira bermaksud: "Kiranya bukan kerana binatang-binatang merumput, orang-orang yang rukuk dan sujud kerana sembahyang, dan kanak-kanak menyusu, nescaya akan dihancurkan atau ditimpakan ke atas kamu azab sebenar-benar azab, desebabkan kejahatan dan dosa-dosa kamu."⁹

Bangsa-bangsa yang merancang keluarga telah rugi dan kecewa kerana kurang tenaga manusia dalam negeri, kurang dalam pertahanan, pertanian dan sosial seperti Perancis dalam perang dunia kedua dan Singapura pada sepuluh tahun kebelakang. Sila lihat sekarang bangsa cina, India, Amerika, Russia, Indonesia, Pakistan, Bangladesh dihormati kerana ramai bilangan mereka, Israel pula gentar dengan Mesir kerana ramai penduduknya.¹⁰

Dalam Boghyat al-Mustarsyidin menyebutkan: "Menurut fatwa al-'Allāmah al-Muhaqqiq al-Syieikh Muhammad bin Sulaiman al-Kurdi, haram membuat sesuatu perkara yang menyebabkan gugur anak dalam perut setelah anak itu tetap dalam rahim,

sekira-kira anak itu telah jadi darah beku ('alaqah) atau telah jadi seketul daging (mudhghah) sekalipun belum ditiupkan roh padanya, sebagaimana tersebut dalam kitab al-Tuhfah oleh al-Imam Ibn Hajar, dan berkata al-Imam al-Ramli dalam al-Nihayah, tidak haram melainkan setelah ditiupkan roh. Maka, kiranya orang yang menggugurkan anak itu tahu ada kandungan menurut qarinah atau tanda-tanda, dan dia sengaja membuat perkara yang membawa gugur anak itu pada ghalibnya, dan telah ditiupkan roh pada anak itu dan dia tidak bertaqlid pada qaul yang mengatakan boleh digugurkan, maka kelakuan itu adalah suatu dosa besar, dan jika tidak begitu, tidaklah menjadi dosa besar hanya dosa sahaja. Merancang keluarga supaya seluruh umat Islam menggugurkan anak itu adalah haram semata-mata haram. Hendaklah seluruh umat Islam menentang dan memerangi fikiran itu kerana membawa pupus umat Islam di mana-mana dalam negeri atau tempat dalam dunia ini, dan ianya berlawanan dengan dasar dan ajaran Islam. Merancang keluarga itu adalah kelakuan orang kafir dan rancangan musuh Islam. Orang Islam mestilah patuh kepada ajaran Islam. Adapun pergi ikut-ikutan fikiran orang lain dan masuk di dalam perangkap orang yang khianat kepada bangsa dan umat Islam adalah suatu perbuatan bid'ah dan sesat, jahat dan kurang iman, seperti iman dan Islam. Adalah bid'ah itu sesat dan tiap-tiap sesat itu bertempat di neraka sebagaimana dalam hadis-hadis.¹¹

Dengan kekuatan hujah-hujah yang dibawakan dalam fatwa di atas dan kefahaman pihak yang berkenaan, maka program merancang keluarga tidak dipromosikan kepada masyarakat Brunei.

3. Lukisan Mural

Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam, adalah tempat tumpuan orang ramai untuk membuat rujukan terhadap terbitan-terbitan tempatan dan luar negara. Oleh kerana bangunan yang dikhaskan di Bandar Seri Begawan sukar menampung keperluan yang semakin bertambah, maka satu bangunan baru telah dibina di kawasan Lapangan Terbang Lama Berakas. Dalam usaha melengkapkan bangunan tersebut, ada cadangan untuk melukis gambar mural di bahagian dinding depan sebelah atas bangunan berkenaan sepertimana yang terdapat dibangunan lamanya. Mural itu menggambarkan pembangunan negara yang antara lain menampakkan kegiatan manusia disamping mencerminkan kemajuan budaya orang Brunei.

Atas keperihatinan pihak pentadbir Dewan Bahasa dan Pustaka terhadap hukum syarak, maka sebelum menyempurnakan cadangan tersebut Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka telah memohon fatwa dari Mufti Kerajaan mengenainya. Permohonan tersebut dihadapkan melalui Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan seterusnya disampaikan kepada Mufti Kerajaan melalui Pengarah Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.¹²

Dalam menjelaskan ketentuan hukum syarak mengenai melukis gambar mural yang dimaksudkan, Mufti Kerajan terlebih dahulu memaparkan beberapa dalil yang

dengan jelas melarang melukis benda-benda yang bernyawa. Antara hadis-hadis yang beliau bawakan ialah hadis riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim. Sabda Rasulullah

s.a.w :

إِنَّ الَّذِينَ يَصْنَعُونَ هَذِهِ الصُّورَ يُعَذَّبُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يُقَالُ لَهُمْ : أَخْسِرُوا مَا خَلَقُتُمْ

Maksudnya: “Bahawa mereka yang membuat gambar itu (gambar benda yang bernyawa) akan diazab pada hari Kiamat dengan disuruh oleh malaikat agar mereka menghidupkan gambar-gambar yang mereka lukis. ”

Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas katanya: “Dia mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:

كُلُّ مُصَوِّرٍ فِي السَّنَارِ يُحَمَّلُ لَهُ بِكُلِّ صُورَةٍ صَوْرَاهَا نَفْسًا تُعَذَّبُ فِي جَهَنَّمَ

Maksudnya: “Tiap-tiap orang yang membuat gambar atau melukis gambar adalah dalam Neraka. Dijadikan untuknya akan tiap-tiap gambar yang dilukisnya itu suatu nyawa yang mengazabkannya dalam Neraka Jahannam. ”

Berdasarkan larangan tersebut Mufti Kerajaan merumuskan bahawa gambar mural yang akan dilukis di dinding bangunan bagi tujuan menghias bangunan itu, sama ada lukisan berkenaan dengan logam atau air parda atau cat atau dengan simen, timbul atau ditebuk, sama ada ia berbayang atau tidak adalah haram dan dosa besar.¹³

Dengan penjelasan tersebut maka hingga sekarang gambar mural tersebut belum ada dilukis di bangunan yang dimaksudkan.

Dari contoh-contoh di atas jelas bahawa fatwa itu mempunyai peranan penting dalam membantu pihak kerajaan menyelesaikan permasalahan-permasalahannya dengan berlandaskan ketentuan hukum syarak. Walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa ada juga sebahagian orang yang sengaja tidak mengikut ketentuan hukum yang telah difatwakan seperti penubuhan bank konvensional (yang tidak berasaskan Islam) setelah wujudnya Bank Islam Brunei Berhad.

4. Kucing Emas

Kucing Emas ialah patung yang direka bentuk khas berbentuk seekor binatang yang badannya seakan-akan kucing dan mukanya seakan-akan singa yang sangat garang. Patung ini diperbuat daripada emas. Menurut adat istiadat, dua ekor patung kecincin emas tersebut diletakkan dihadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat dan bersemayam di atas “Pataratna”¹⁴ atau “Singgahsana” sebagai lambang kebesaran diraja dan kemegahan negara.¹⁵

Asalnya ia adalah lambang kebesaran Maharaja Ming yang diletakkan di hadapan baginda semasa bersemayam. Pada tahun 1408, Maharaja Yung Lo telah menghadiahkan sepasang kucing emas kepada Sultan Abdul Majid. Kucing tersebut akhirnya menjadi sebahagian dari alat kebesaran Diraja Brunei.¹⁶

Pada tahun 1972, Yang Dipertua Adat Istiadat Negara Brunei kepada Mufti Kerajaan Brunei telah menghadapkan pertanyaan tentang kedudukan beberapa alat kebesaran diraja dari segi hukum syarak termasuk kucing emas di atas.

Pada menjelaskan ketentuan hukum syarak mengenai perkara berkenaan, Mufti Kerajaan telah membawakan beberapa pendapat para ulama khususnya dalam kerja mereka bentuk benda-benda yang bernyawa. Anataranya pendapat Al-Imam al-Nawawi, dalam kitabnya Syarh Muslim, yang menyatakan bahawa membuat gambar atau menggambar haiwan atau benda yang bernyawa adalah haram, salah satu daripada dosa besar. Menurut Al-Imam Ibn Hajar dalam kitab al-Zawājir ‘An Iqtirāf al-Kabā’ir, dosa besar yang ke 268 ialah membuat gambar benda yang mempunyai roh, apa juarupa dan gambarnya sama ada gambar itu dihormati atau dihina. Ibn Qudāmah pula menjelaskan dalam kitabnya al-Mughni bahawa membuat gambar itu adalah haram. Sabda Nabi Muhammad s.a.w:

الَّذِينَ يَصْنَعُونَ هَذِهِ الصُّورَ يُعَذَّبُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَقَالُ لَهُمْ أَخْرِجُوهَا مَا خَلَقْتُمْ

Maksudnya: "Mereka yang membuat gambar-gambar ini akan diazab pada Hari Kiamat kelak. Dikatakan kepada mereka: "Hidupkan apa-apa yang telah kamu ciptakan."

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Masud, Sabda Rasulullah s.a.w:

إِنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ الْمُصَوَّرُونَ

Maksudnya: "Bahawa manusia yang sangat-sangat diazab pada Hari Kiamat ialah orang-orang yang membuat gambar."

Menurut Al-Malibari, dalam kitabnya Fath al-Muin, telah menyebutkan bahawa sebahagian daripada perkara mungkar (haram) itu ialah gambar haiwan yang mengandungi anggota yang tidak boleh hidup haiwan tersebut melainkan dengan anggota lengkap, sekalipun gambar haiwan berkenaan tiada bandingannya seperti kuda mempunyai beberapa sayap atau burung bermuka dengan rupa manusia, serta gambar itu diletakkan di atas siling rumah atau dinding, atau pada tabir yang digantung kerana membuat perhiasan, atau pada pakaian, atau bantal kusyen yang didirikan. Kerana gambar-gambar haiwan yang berkeadaan seumpama itu seolah-olah menyamai berhala."¹⁷

Dengan taufiq dan hidayah daripada Allah s.w.t fatwa tersebut mendapat sambutan baik dan mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Dipertuan. Baginda dengan rela hati menyingkirkan kucing emas berkenaan dari terus menjadi lambang kebesaran diraja seperti yang dahulu.

Berikutnya ketentuan tersebut, atas keyakinan, ketaqwaan dan kekuatan iman serta kesungguhan pegangan baginda terhadap ajaran agama Islam yang murni lagi mulia itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, telah menitahkan supaya bangunan peringatan Sir Winston Churchill diubah suai dan patungnya ditumbangkan.

Bangunan peringatan Sir Winston Churchill dibina pada tahun 1965. Bangunan tersebut menempatkan muzium peringatan Sir Winston Churchill sebagai kenangan jasa-jasa Sir Winston Churchill dalam perang dunia kedua dalam konteks kebebasan manusia sejagat yang lebih luas. Muzium tersebut mempamerkan aspek-aspek jasa dan sumbangan, pemikiran, diorama hidup beliau, serta kenang-kenangan lain seperti manuskrip penulisan, gambar-gambar, rakaman-rakaman, kepunyaan peribadi dan momento yang lain.¹⁸ Patung Sir Winston Churchill turut didirikan di hadapan bangunan tersebut.

Pada tahun 1992, bangunan tersebut telah siap diubah suai dan menjadi tempat mempamerkan alat-alat kebesaran Diraja Brunei. Bangunan yang terletak di pusat bandar itu telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada 4 Rabi' al-akhir 1413 bersamaan 30 September 1992. Ketika perasmian bangunan tersebut, baginda menitahkan supaya bangunan berkenaan dinamakan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja.¹⁹

5. Sembahyang Tarawih

Semua masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat dan mana-mana perkumpulan orang ramai di Negara Brunei Darussalam menunaikan sembahyang tarawih dua puluh rakaat dengan sepuluh salam. Pada tahun 1968, satu permohonan telah dihadapkan kepada kadi Daerah Brunei dan Muara untuk mengadakan sembahyang tarawih sepuluh rakaat dengan lima salam di Perkhimahan Askar Berakas. Alasan yang diberikan ialah untuk menarik askar-askar dengan hati yang penuh kerelaan dapat bersama-sama beramal di malam yang berkat dan mereka tidak sangat resah dan gelisah kerana lama dan lambat.

Permohonan tersebut dirujukkan oleh Kadi Daerah Brunei dan Muara kepada Mufti Kerajaan untuk mendapat pandangan. Mufti Kerajaan telah mengeluarkan fatwanya yang menjelaskan bahawa Sembahyang Tarawih suatu sembahyang yang dikatakan oleh ulama sembahyang yang “*muakkadah*” (yang sangat dituntut). Tujuan sembahyang Tarawih ialah mengajak umat Islam berjaga pada malam bulan Ramadhan

dengan beramal, berdoa, beristighfar, membaca al-Qur'an, bersembahyang dan lain-lain ibadat. Rasulullah s.a.w telah sembahyang Tarawih Ramadhan beberapa malam di Masjid Nabi di Madinah al-Munawwarah. Orang Islam mengikut dan bersembahyang bersama-sama Rasulullah. Kemudian Rasulullah s.a.w berhenti dari mengerjakan sembahyang Tarawih itu dihadapan orang Islam di masjid sebab Rasulullah s.a.w takut sembahyang Tarawih diwajibkan di atas umat Islam dan menjadi keberatan kepada mereka itu. Rasulullah s.a.w sangat-sangat mengambil berat di atas kesenangan dan kemudahan umat Islam.²⁰

Menurut mazhab Syafi'i, sembahyang Tarawih itu dua puluh rakaat dengan sepuluh salam selain dari sembahyang Witir. Demikian juga pendapat Imam Abu Hanifah dan Pengikut-pengikutnya, Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Daud dan pendapat kebanyakan ulama seperti mana yang disebutkan oleh al-Imam al-Qadhi 'Iyādh. Jika sahabat-sahabat dan tabi'in dan Imam Abu Hanifah dan pengikut-pengikutnya daripada ulama Hanafi (*ahl al-ra'y*) dan Imam Ahmad dan mazhab Syafi'i (*ahl al-hadīth*) berpegang, beramal dan bersetuju di atas bilangan rakaat Tarawih itu, maka menunjukkan bilangan dua puluh rakaat adalah betul dan hak, dan umat Islam tiada akan bersekutu dan berhimpun di atas perkara yang sesat.²¹

Menurut riwayat daripada al-Imam al-Baihaqi dan lain-lain ulama hadis dengan isnad yang sahih dari sahabat al-Sāib bin Zayd al-sahabi r.a berkata, bahawa orang-

orang Islam sembahyang Tarawih pada zaman baginda ‘Umar bin al-Khattab r.a dalam bulan Ramadhan dengan dua puluh rakaat. Mereka membaca beratus-ratus ayat dalam sembahyang Tarawih dan mereka bertungkat di atas tungkat-tungkat mereka di zaman khalifah ‘Uthman kerana lama berdiri dalam sembahyang Tarawih. Demikianlah pendapat umat Islam dari zaman sahabat sehingga zaman ini. Kita hendaklah mengikut jejak perjalanan Rasulullah s.a.w dan sahabat dan *al-salaf al-sâlih*. Dengan sembahyang Tarawih sebanyak dua puluh rakaat itu kita tidak sesat dan kita akan mendapat keuntungan dunia dan akhirat. Imam-imam hendaklah sembahyang dengan makmum-makmumnya dengan keadaan sederhana dan ringan bagaimana yang ditunjukkan oleh kitab-kitab Fiqh.²²

Berikutan keluarnya fatwa ini, sembahyang Tarawih terus di dirikan dua puluh rakaat dengan sepuluh salam di seluruh masjid, surau, balai ibadat termasuk perkhimahan-perkhimahan askar hingga sekarang. Tidak pula didengar rungutan kerana kepayahan dalam menunaikannya bahkan akhir-akhir ini bilangan jemaah semakin bertambah dengan kesedaran yang berbangkit dari usaha dakwah mengenainya.

5.1.2 Fatwa Membentuk Kehidupan Masyarakat Menurut Hukum Islam

Dalam usaha menyampaikan hukum-hakam kepada orang ramai, Jabatan Mufti Kerajaan sedaya upaya memberi penjelasan dengan bersandar kepada sumber-sumber

yang muktabar. Hal ini membantu masyarakat dalam meningkatkan kefahaman dan penghayatan mereka terhadap ketentuan hukum syarak. Dengan demikian, persepsi orang ramai terhadap ajaran Islam tidak lagi terbatas kepada perkara peribadatan sahaja. Bahkan kefahaman mereka semakin meluas dan menyeluruh sehingga Islam menjadi budaya hidup bermasyarakat dan bernegara. Keberkesanan peranan yang dimainkan oleh Fatwa Mufti Kerajaan dapat dilihat dari perubahan corak kehidupan yang diamalkan oleh masyarakat Brunei. Antaranya:

1. Pengambilan Interest Bank

Interest merupakan satu budaya perniagaan yang diperkenalkan oleh bank-bank konvensional kepada pelanggan-pelanggannya. Pada zahirnya ia adalah keuntungan yang menarik hati pelabur. Tetapi sebaliknya ada pelanggan yang dizalimi dengan membayar interest apabila berhutang di bank berkenaan.

Menurut Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, wang bunga yang didapati oleh orang Islam dari bank itu adalah riba. Tidak harus dan haram dia mengambil dan memiliki bunga itu. Wang bunga berkenaan adalah menjadi sesuatu harta yang hilang yang tiada diketahui siapa yang ampunya menurut hukum fiqh. Dengan itu wang tersebut adalah jadi harta Bait al-Mal. Wajib bagi orang yang memperolehnya menyerahkan dan memulangkan kepada Bait al-Mal.²³

Berikutan penjelasan tersebut, masyarakat Islam dapat memahami tentang kedudukan wang bunga (interest) yang diberikan oleh bank-bank kepada pelanggannya. Selain itu masyarakat juga mengetahui bagaimana cara menyalurkan wang bunga berkenaan.

2. Kepercayaan kepada Bomoh

Antara kepercayaan tradisional yang diwarisi turun temurun oleh sebahagian masyarakat Melayu Brunei ialah percaya kepada tukang-tukang tilik, bomoh-bomoh dan pawang-pawang. Bomoh dan pawang dipercayai mempunyai kuasa ghaib yang mampu menyelesaikan semua permasalahan yang dihadapi. Antara perkara yang biasa diamalkan ialah apabila seorang itu kecurian barang atau jatuh sakit atau ditimpa kesusahan, dia atau keluarganya akan mendapatkan khidmat ahli-ahli tilik, bomoh atau pawang untuk mengatasi permasalahannya. Sebelum memberi khidmat yang diperlukan, ahli-ahli tilik, bomoh atau pawang berkenaan akan menentukan permintaan khas yang disebut sebagai “pikaras”.²⁴

Permintaan tersebut perlu ditunaikan oleh orang yang memerlukan khidmat mereka. Jika tidak ditunaikan seperti mana permintaan berkenaan, usaha yang dilakukan tidak akan berhasil kerana tidak memenuhi syarat perkhidmatan.

Antara jenis khidmat pengubatan yang terkenal suatu ketika dahulu ialah pengubatan dengan cara meminta bantuan kuasa jin. Kononnya, jin yang dipanggil akan datang dan masuk dalam jasad bomoh berkenaan. Kemudian bomoh berkenaan akan meracau dan suaranya akan berubah. Kadang-kadang bahasa yang dituturkannya tidak difahami oleh orang biasa. Keadaan seumpama ini mempengaruhi sangkaan mangsanya bahawa yang bercakap itu ialah jin bukan bomoh berkenaan.

Begitulah antara khurafat dan karut yang diada-adakan oleh bomoh dan pawang terhadap orang-orang yang kurang kefahaman agama dan mudah dipermainkan. Mereka tidak tahu membezakan mana yang betul dan mana yang salah.

Mufti Kerajaan menyifatkan perbuatan orang-orang yang percayakan karut dan khurafat adalah sebodoh-bodoh perbuatan dan akal mereka sangat rendah. Perbuatan tersebut adalah satu jenis dari perbuatan ahli tilik dan ahli nujum dan ahli sihir yang ditegah dan dilarang dalam Islam. Bahkan perbuatan mereka adalah sihir semata-mata sihir, yang membawa kepada fasiq, bodoh, bengang, dicerca, sesat dan kufur. Itulah satu dosa besar dari dosa-dosa besar yang membawa kemurkaan dan azab api Neraka.²⁵

Fatwa di atas sangat berkesan dalam mengubah amalan orang ramai, bahkan mengukuhkan kefahaman orang ramai tentang salahnya amalan tersebut. Dengan demikian, khidmat bomoh dan pawang terutama dalam perkara tilik dan renung

sekarang ini sangat kurang diperlukan oleh masyarakat. Bahkan kebanyakan orang lebih rajin berusaha untuk menghafal beberapa ayat al-Qur'an dan zikir-zikir yang diajarkan oleh ustaz-ustaz untuk dijadikan amalan dan wirid harian mereka.

3. Amalan Ketika Menunaikan Haji

Haji ialah rukun Islam yang kelima diwajibkan ke atas orang mukallaf yang mampu mengerjakannya. Kewajipan tersebut telah diperintahkan oleh Allah s.w.t dalam firmanya:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حُجَّةٌ إِذَا مَنْ أَسْتَطَعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

Tafsirnya: "Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya."²⁶

Kewajipan mengerjakan haji itu hanyalah sekali sahaja seumur hidup sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w melalui sabdanya yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a :

عَطَّلَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ فَرِضَ اللَّهُ عَلَيْكُمُ الْحَجَّ فَجَعَلُوا لَفَّانَ رَجُلًا أَكْمَلَ عَامًّا يَا رَسُولَ اللَّهِ فَسَكَنَتْ حَسْنَى قَالَهُمْ تَلَذِّلًا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَوْ قُلْتُ نَعَمْ، لَوْجَبَتْ وَلَمَّا اسْتَطَعْتُمْ، ثُمَّ قَالَ: ذَرُونِي مَا

نَزَّلْنَاكُمْ فِي أَنَّا مَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِكَثِيرَةٍ سُوَالُهُمْ وَأَخْتِلَافُهُمْ عَلَىٰ أَنِّيَ إِنَّهُمْ فَإِذَا
أَمْرَنَاكُمْ بِشَيْءٍ قَاتُوا مِنْهُ مَا مَا اسْتَطَعُمْ وَإِذَا تَهْبَطُكُمْ عَنْ شَيْءٍ قَدْعُوهُ²⁷

Maksudnya: “Rasulullah s.a.w pernah berkhutbah kepada kami, sabdanya: “Wahai manusia, sesungguhnya Allah telah mewajibkan haji ke atas kamu, oleh sebab itu kerjakanlah haji itu.” Lalu seorang lelaki berkata: “Adakah tiap-tiap tahun wahai Rasulullah?” Rasulullah s.a.w diam (tidak menjawab), sehingga lelaki tersebut mengulanginya sebanyak tiga kali. Rasulullah s.a.w pun menjawab: “Jika aku jawab ya, nescaya wajiblah ianya (setiap tahun) dan kamu tidak akan berupaya melakukannya.” Seterusnya Rasulullah s.a.w bersabda: “Biarkanlah aku (jangan kamu tanya) tentang apa yang aku tinggalkan (yang tidak aku sebutkan) kepada kamu. Sesungguhnya telah binasa orang-orang sebelum kamu dengan sebab banyaknya pertanyaan dan perselisihan mereka terhadap nabi-nabi mereka. Maka apabila aku menyuruh kamu dengan sesuatu perintah, maka laksanakanlah sesuai dengan keupayaan kamu dan apabila aku melarang kamu dari (mengerjakan) sesuatu, hendaklah kamu meninggalkannya.”

Dalam urusan mengejakan haji, wukuf di Arafah adalah merupakan upacara kemuncak ibadah berkenaan. Maka ramai orang yang mahu mengambil berkat di bumi tersebut. Antara kepercayaan yang menjadi amalan sebahagian jemaah haji dari Negara Brunei Darussalam ialah mengumpul karak nasi ketika wukuf di Arafah. Sebaik sahaja mereka kembali ke tanah air, karak nasi berkenaan diagih-agihkan kepada saudara mara yang datang menziarahi mereka dengan kepercayaan bahawa karak tersebut mempunyai berkat.

Selain itu, ketika mengerjakan tawaf di *Baitullāh* itu, terdapat sebahagian dari jemaah berkenaan membawa sejumlah wang untuk “ditawafkan” di Kaabah. Wang

yang ditawaskan akan disimpan dan menurut kepercayaan mereka duit berkenaan akan membawa berkat dan memurahkan rezeki penyimpannya.

Menurut Mufti Kerajaan perbuatan tersebut adalah karut dan bertentangan dengan adab-adab dan hukum mengerjakan haji. Orang yang melakukannya adalah orang ahli bid'ah dan hajinya tidak diterima Allah (mardud). ²⁸

Dalil-dalil yang dibawakan oleh Mufti Kerajaan dalam penjelasan tersebut ialah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, sabda Rasulullah s.a.w:

مَنْ أَخْدَثَ فِي أُمَّرَأَنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ

Maksudnya: "Sesiapa yang mengada-adakan dalam urusan (agama) kami ini suatu pekerjaan yang tiada daripadanya, maka ia tertolak."

Perbuatan mengada-adakan perkara yang tiada ditentukan oleh hukum syarak itu pula adalah bid'ah dan ia adalah sesat seperti yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w dalam sabdanya:

وَكُلُّ بِدْعَةٍ ضَلَالٌ وَكُلُّ ضَلَالٍ فِي النَّارِ

Maksudnya: "Dan setiap bid'ah itu adalah sesat dan setiap yang sesat itu (tempatnya) dalam Neraka."

Dalam fatwa berkenaan Mufti Kerajaan seterusnya menasihatkan agar orang yang akan pergi haji belajar betul-betul mengenai hukum-hakam yang berkaitan dengan haji dan cara-cara mengerjakan haji. Dengan demikian mereka dapat mengetahui perkara yang fardhu, yang wajib, yang rukun, yang sunat, yang boleh dibuat dan yang ditegah melakukannya. Dengan pengetahuan tersebut mereka tidak lagi terikut-ikut dengan cakap-cakap orang haji yang mengaku tahu perkara-perkara haji sedangkan mereka sebenarnya jahil terhadap hukum-hakam yang berkaitan dengan haji.²⁹

Dengan penjelasan tersebut, kepercayaan seperti di atas tidak lagi menjadi amalan para jemaah yang pergi menunaikan haji atau umrah.

4. Pakaian Wanita

Aurat dan pakaian adalah perkara yang berkait rapat dengan kehidupan harian manusia. Penentuan aurat bagi lelaki dan perempuan telah pun ditetapkan oleh hukum syarak seperti mana yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. Aurat itu telah sabit dengan al-Quran, hadis dan ijma' sahabat. Dengan kewujudan fisyen pakaian yang berbagai corak sangat banyak mempengaruhi cara para wanita. Ini mendorong sebahagian wanita berlumba-lumba dalam mempamirkan keterampilan mereka melalui cara berpakaian. Banyak kaum muda yang lebih mengutamakan fisyen dari menjaga adab berpakaian menurut kehendak hukum syarak. Demikian juga halnya dalam

menggayaikan fisyen rambut. Menutup keseluruhan rambut kepala dianggap remeh oleh sebahagian orang. Ada yang menganggap menutup rambut bukan suatu perkara yang perioriti. Bahkan ada juga yang sengaja tidak mahu menutupnya walaupun sudah mengetahui hukumnya.

Dalam usaha menangani gejala ini agar ia tidak berleluasa menjadi budaya masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam. Mufti Kerajaan telah menegaskan dalam fatwanya bahawa kepala dan rambut perempuan itu adalah termasuk aurat yang wajib ditutup. Beliau menekankan dalam fatwa berkenaan dengan katanya:

“....Jadi dengan perasaan yang halus dan dengan akal yang waras, seorang dengan automatik, dia mesti dan memaksa dirinya menutup auratnya.”³⁰

Dalam fatwa yang sama, Mufti Kerajaan tidak lupa menjelaskan beberapa panduan penting dalam menentukan pakaian wanita ketika dihadapan lelaki yang halal nikah atau keluar rumah. Antaranya:

1. Hendaklah pakaian itu menutup keseluruhan badan termasuk kepala dan rambut perempuan melainkan anggota muka dan dua tapak tangan.
2. Hendaklah pakaian itu tebal supaya tidak nampak warna kulit dari celah-celahnya.

3. Hendaklah pakaian itu tidak sempit yang boleh menampakkan susuk badan.
4. Jangan pakaian itu menyerupai pakaian lelaki.

Fatwa di atas, yang juga mendapat sokongan dari pendakwah-pendakwah melalui syarahan-syarahan mereka, sehingga dapat mengubah corak pakaian masyarakat Brunei terutama kaum wanita. Budaya memakai baju kurung dan tudung dengan menutup keseluruhan kepala di kalangan kaum muslimah semakin meluas termasuk pegawai-pegawai yang bertugas di pejabat walaupun ia bukan menjadi peraturan pejabat. Perubahan ini sangat ketara jika dibandingkan keadaan berpakaian pada tahun tujuh puluhan terutama ketika menghadiri majlis-majlis keramaian. Alhamdulillah budaya cara berpakaian sedemikian telah menjadi kebiasaan kepada kaum muslimah di Negara Brunei Darussalam termasuklah mereka yang bertugas sebagai pengacara atau pembaca berita di Radio Televisyen Brunei.

Walaupun demikian penekanan yang berterusan tentang ketentuan hukum syarak mengenai penutupan aurat ini adalah sangat perlu bagi mengingatkan orang ramai khasnya terhadap golongan remaja. Kita tidak mahu di masa yang akan datang perkara menutup aurat ini di anggap sebagai budaya bangsa sahaja bukan tuntutan syariat Islam.

5. Permainan Bola Sepak dan Tarik Tali (Wanita)

Pada tahun 1976, beberapa pihak dan organisasi sokan telah menganjurkan perlawanan permainan bola sepak dan tarik tali antara pasukan-pasukan perempuan. Perlawanan tersebut biasanya diadakan dipadang terbuka dan dituntun oleh orang ramai lelaki dan wanita. Apabila sokan tersebut semakin popular ia mendatangkan tanda tanya di kalangan masyarakat Islam sama ada ia sesuai dengan kehendak hukum syarak atau pun sebaliknya. Berikutan kejadian tersebut, Seitausaha Majlis Ugama Islam telah menghadapkan pertanyaan mengenai perkara di atas kepada Mufti Kerajaan untuk mendapatkan fatwa mengenainya.

Dalam menjelaskan perkara di atas, Mufti Kerajaan telah menceritakan tentang etika-etika yang perlu dimiliki oleh setiap individu Islam seperti bersifat malu dan mengelakkan perbuatan-perbuatan yang boleh menyebabkan seseorang muslim itu menjadi fasiq. Dalam fatwa berkenaan Mufti Kerajaan telah menegaskan bahawa bola sepak dan tarik tali pada kebiasaannya adalah permainan kaum lelaki. Maka menurut al-Imam Ibn Hajar, lelaki yang menyerupai perempuan dalam perkara tertentu pada kebiasaannya, pakaian, percakapan, gerak geri atau seumpamanya atau sebaliknya perempuan menyerupai lelaki dalam perkara yang tertentu pada kebiasaannya adalah dosa besar. Maka menurut tafsir atau takwil al-Imam Ibn Hajar itu, main bola sepak atau tarik tali adalah permainan lelaki. Sehubungan dengan itu, orang yang menganjurkan bola sepak wanita dan tarik tali dan seumpamanya adalah diumpamakan

mereka melaburkan saham-saham duduk dalam neraka. Tiap-tiap kali perbuatan jahat yang dianjurkan itu berlaku, maka tiap-tiap kali juga ia mendapat keuntungan azab dari saham yang dilaburkannya. Mufti Kerajaan turut menyebutkan dalam hujjahnya sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Sabda Rasulullah s.a.w:

مَنْ سَنَ سَنَةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ
يَنْفَضِّلَ مِنْ أَجْوَاهُمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَ فِي الْإِسْلَامِ مُتَّهِمًا كَانَ عَلَيْهِ وَرَبُّهُ
وَرِزْقُهُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْفَضِّلَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ

Maksudnya: “Sesiapa yang membuat sesuatu kebaikan dalam Islam, maka baginya pahala perbuatan tersebut dan pahala orang yang melakukannya selepas itu dengan tidak kurang sedikit pun dari pahala yang diberikan kepada mereka, dan sesiapa yang yang membuat perkara jahat dalam Islam, maka dia menanggung dosa kejahanan yang dianjurkan itu dan dosa orang yang melakukannya dengan tidak mengurangi dosa-dosa mereka sedikit pun.”³¹

Berikutan dengan keluarnya fatwa di atas, tidak lagi ada pihak-pihak yang menganjurkan perlawanan bola sepak wanita atau tarik tali wanita secara terbuka seperti mana sebelumnya.

6. Pembelian Daging Beku Import

Menurut fatwa Mufti Kerajaan segala binatang yang halal dimakan seperti lembu, kerbau, kambing, ayam, itik dan burung-burung menjadi halal dagingnya, tulangnya, lemaknya dan lain-lain bahagian seumpamanya, setelah disembelih oleh

orang Islam dengan mengikut cara sembelihan Islam. Sembelihan yang dimaksudkan ialah memotong semua urat nafas (halkum) dan urat laluan makan dan minuman (mari') pada leher binatang berkenaan. Jika tidak disembelih dengan cara demikian maka haiwan tersebut adalah menjadi bangkai dan haram dimakan oleh orang Islam.³²

Makan bangkai adalah suatu dosa besar dan fasiq. Hal ini dengan jelas ditegaskan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya:

حرمت عليكم الميّة والنّم ولحم الخنزير وما أهل لغير الله به والمنخقة
والسموقة والمتردية والنطيفة وما أكل السبع إلا ما ذكّرتم وما ذبح على النصب
وأن تستقسموا بالأوزل من ذلكم فرق³³

Tafsirnya: "Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekkik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu menengok nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasiq."

Sejak perniagaan daging-daging beku menembusi pasaran ke Negara Brunei Darussalam, daging beku semakin banyak didatangkan dari luar negara. Antaranya diimport dari Australia melalui Singapura. Daging-daging tersebut dijual di kedai-kedai dan pasar raya-pasar raya di Negara Brunei Darussalam. Daging yang dipasarkan

kepada orang ramai itu dikatakan telah disembelih oleh orang Islam. Memandangkan daging itu datangnya dari negara bukan Islam, maka ia telah menimbulkan keraguan di kalangan masyarakat Islam sama ada daging tersebut halal dimakan oleh orang-orang Islam atau sebaliknya.

Menurut Mufti Kerajaan, daging-daging sejuk yang dibawa melalui kompeni-kompeni dan syarikat-syarikat di atas tiada dapat dijamin akan selamat daging-daging sejuk yang disembelih oleh orang Islam Australia dari bercampur dengan lain-lain daging sejuk yang tidak disembelih cara Islam. Keadaan yang semacam itulah yang diragukan umat Islam. Mufti Kerajaan seterusnya menghabarkan bahawa perkara sedemikian serupa dengan ayam sejuk Denmark yang dibawa masuk ke Arab Saudi. Orang-orang Islam disana masih meragui kehalalannya.³⁴

Fatwa di atas jelas menggambarkan bahawa daging-daging sejuk yang diimport dari luar negara itu diragui kehalalannya. Berikut penjelasan berkenaan orang-orang Islam lebih mengutamakan membeli daging segar yang dijual di pasar-pasar.

Apa yang lebih menarik, setelah sekian lama isu daging sejuk dibicarakan oleh Mufti Kerajaan, tiba-tiba pada bulan Julai 1997 isu tersebut mendapat perhatian daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda menitahkan bahawa tanggungjawab mengawal kehalalan daging-

daging import adalah perlu diambil perhatian dengan serius. Hal ini ditekankan oleh baginda dalam titahnya sempena Perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang ke 51 di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, pada hari Selasa, 10 Rabiulawal 1418H bersamaan 15 Julai 1997. Antara kandungan titah tersebut menyebutkan:

"Di sini ingin juga beta menyebut, bahawa di suatu masa dahulu beta pernah mengisyiharkan pengharaman kemasukan dan pengedaran minuman keras di negara ini. Maka akhir-akhir ini, timbul pula kekhawatiran terhadap makanan dan minuman serta barang-barang gunaan yang dikhuatiri bercampur dengan bahan-bahan yang haram, termasuklah kekhawatiran khusus mengenai dengan daging-daging import yang sedang beredar di pasaran pada masa ini.

Dalam konteks ini, sudah tiba masanya bagi pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan untuk mengkaji kemungkinan bagi mengadakan satu badan atau seumpamanya selaku pihak yang mengawal halal haram bahan-bahan makanan dan minuman, termasuk segala jenis daging serta lain-lain barang gunaan di negara ini.

Kewajipan ini menjadi prioriti, kerana kedudukan kita selaku sebuah negara Islam adalah wajib memelihara agama dan ibadat rakyat serta penduduk yang berada di dalamnya.

Fatwa-fatwa dan panduan-panduan sudah pun sekian lama dikeluarkan, maka sepatutnya sudah lama juga perkara ini dapat diselesaikan."³⁵

Berikutan titah berkenaan satu jawatankuasa "Ad-Hoc" telah ditubuhkan bagi tujuan menangani pengawasan makanan halal khasnya dalam mengawasi pasaran daging-daging import.

7. Memakai Kontek lens

Memakai kontek lens ketika berpuasa pernah menimbulkan keresahan di kalangan masyarakat Islam Negara Brunei Darussalam pada bulan Ramadhan 1415H. Keresahan itu timbul berikutan pendapat seorang penceramah, dalam soal jawab secara spontan dalam majlis ceramah Ramadan. Menurut pendapat beliau batal puasa dengan memakai kontek lens ketika berpuasa. Tetapi apa yang difahami oleh kebanyakan orang sebelum itu perkara tersebut tidak membatalkan puasa. Hal ini menimbulkan permasalahan terutama pengguna-pengguna kontek lens. Jabatan Mufti Kerajaan menjadi tumpuan orang ramai untuk mendapatkan penjelasan mengenainya. Setiap hari banyak panggilan telefon yang diterima kerana bertanyakan hal tersebut dan ada juga yang memohon fatwa secara bertulis.

Dalam menangani kegelisahan tersebut Mufti Kerajaan telah menjelaskan dalam fatwanya bahawa antara perkara-perkara yang membatalkan puasa itu ialah memasukkan sesuatu dengan sengaja kedalam rongga melalui lubang yang terbuka (manfadz Maftüh). Rongga itu sama ada ia mempunyai kuasa memproses makanan dan ubat atau pun tidak seperti rongga otak, kerongkong, rongga hidung, batin telinga, perut, dubur, faraj, pundi kencing, lubang zakar dan lubang tempat keluar air susu (halamah). Ada pun mata tidak termasuk dalam apa yang dikatakan rongga itu. Dari hal yang demikian, maka memakai kontek lens di pelopak mata ketika berpuasa itu tidak membatalkan puasa pemakainya.³⁶

Dengan keluarnya fatwa berkenaan tersingkirlah keraguan orang ramai mengenai perkara di atas kerana fatwa Mufti Kerajaan adalah merupakan sumber yang meyakinkan masyarakat.

5.2 Pengeluaran Dan Penyebaran Ilmu-Ilmu Islam

Dalam usaha memberi maklumat berkaitan hukum syarak dan ilmu-ilmu Islam kepada orang ramai, selain daripada menjawab kemosykilan orang ramai melalui fatwa Mufti Kerajaan, terdapat beberapa inisiatif yang telah diusahakan oleh Jabatan Mufti Kerajaan. Antaranya ialah penjelasan hukum melalui program yang dinamakan **Irsyād Hukum** dan program **Bersama Mufti**.

5.2.1 Program Irsyād Hukum

Irsyād Hukum adalah satu program yang telah diwujudkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan sebagai saluran untuk memberi penjelasan dan bimbingan kepada orang ramai mengenai hukum hakam yang berbangkit daripada fatwa Mufti Kerajaan. Penjelasan secara terperinci akan dibuat terhadap maksud dan kandungan fatwa-fatwa yang difikirkan perlu diberi penjelasan dan penghuraian lanjut. Tujuan berbuat demikian ialah supaya maksud dan kandungan fatwa berkenaan lebih mudah difahami dan dihayati oleh masyarakat. Selain itu, **Irsyād Hukum** berperanan memberi penjelasan dan

bimbingan tentang hukum-hakam yang difikirkan perlu disampaikan dan difahamkan kepada orang ramai khususnya isu-isu yang berhubung kait dengan urusan kehidupan sehari-hari masyarakat. Program ini dikendalikan oleh Bahagian **Buhuth dan Irsyad** Jabatan Mufti Kerajaan. *Irsyād Hukum* disampaikan setiap hari Rabu melalui akhbar resmi kerajaan **Pelita Brunei**³⁷ (lihat lampiran B). *Irsyād Hukum* juga disampaikan melalui siaran radio dan televisyen. Program *Irsyād Hukum* melalui siaran televisyen biasanya disampaikan oleh Pegawai Istinbat atau Pegawai Penyelidik Jabatan Mufti Kerajaan.

5.2.2 Program Bersama Mufti

Peranan program **Bersama Mufti** adalah sama seperti program *Irsyād Hukum*. Perbezaan antara keduanya ialah *Irsyād Hukum* adalah disampaikan oleh Pegawai Penyelidik atau Pegawai Istinbat, manakala “Bersama Mufti” disampaikan sendiri oleh Mufti Kerajaan atau Timbalan Mufti Kerajaan. Program ini disiarkan kepada orang ramai melalui televisyen sempena hari-hari kebesaran agama seperti sempena Isrā’ dan Mi’rāj, Nuzul al-Qur'an, Awal Tahun Hijriyyah, Hari Raya Haji dan lain-lain. Tujuan program ini ialah untuk memberi kesedaran umat Islam tentang perlunya hari kebesaran Islam diberiga dan diraikan dengan penghayatan, semangat atau roh yang ada pada peristiwa besar yang berlaku pada hari berkenaan. Dengan adanya program ini, umat Islam dapat menghayati hari-hari kebesaran Islam dengan mengambil pengajaran yang

ada padanya untuk meningkatkan keyakinan dan menambah keazaman dalam menuju ke arah kehidupan yang diredai oleh Allah s.w.t.

5.3 Penerbitan

Bidang penerbitan adalah merupakan media penting dalam penyebaran maklumat. Maka, Jabatan Mufti Kerajaan memilih penerbitan sebagai salah satu lagi saluran untuk menyampaikan maklumat dan menyebarkan ilmu-ilmu Islam. Sehubungan dengan itu Jabatan Mufti Kerajaan telah mewujudkan Bahagian Penerbitan Dan Penerangan, yang berfungsi di bawah Hal Ehwal Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan. Fungsi bahagian ini telahpun diterangkan dalam pembahagian kerja di halaman 137 dari bab dua kajian ini.

Sebagai langkah dalam menyampai dan menyebarkan ilmu-ilmu Islam melalui penerbitan, Jabatan Mufti Kerajaan telah mengumpul dan membukukan fatwa-fatwa Mufti Kerajaan, kandungan program Irsyad Hukum dan kandungan program Bersama Mufti. Terbitan tersebut diedarkan untuk dijual di kedai-kedai buku di Negara Brunei Darussalam untuk bahan bacaan dan rujukan orang ramai (lihat lampiran C, D& E).

Selain itu, Jabatan Mufti Kerajaan telah menerbitkan surat berita yang dinamakan “*Al-Hadaf*” sebagai sumbangan kearah memperkaya bahan bacaan

tempatan yang berunsur keagamaan (sila lihat lampiran F). Surat berita ini adalah merupakan wadah penyebaran, penyaluran maklumat ilmu dan jalan penyampai wawasan, matlamat serta strategi Jabatan Mufti Kerajaan. Surat berita ini memuatkan bahan-bahan seperti fatwa, bimbingan hukum, akhlak Rasulullah s.a.w dan amalan-amalan yang baik, yang dihasratkan menjadi pembimbing umat ke arah landasan yang betul. Selain itu ia juga memuatkan maklumat mengenai tokoh atau kitab, wawasan dan pentadbiran serta berita kegiatan Jabatan Mufti Kerajaan dan Sudut Terbiah Minda. Bahan-bahan tersebut akan sentiasa menjurus ke arah mengembangkan syiar dan keindahan agama Islam. *Al-Hadaf* mula diterbitkan pada bulan Zulhijjah 1417H/ April 1997M. Surat berita ini diedarkan secara percuma. Pada permulaannya surat berita ini diterbitkan setiap empat bulan. Memandangkan keperluan sekarang, surat berita berkenaan telah berjaya diterbitkan empat kali dalam setahun (tiga bulan sekali).

Melalui fatwa-fatwa dan program-program di atas, Masyarakat Brunei dengan mudah memperolehi penjelasan hukum syarak khususnya dalam menyelesaikan permasalahan yang berhubung kait dengan hal ehwal kehidupan sehari-hari mereka. Hal ini membantu mereka dalam memperbaiki corak kehidupan dengan berpandukan hukum-hakam yang disampaikan. Masyarakat juga menyambut baik penjelasan-penjelasan yang diberikan walaupun ada kalanya hukum-hakam yang disampaikan berlawanan dengan kebiasaan amalan mereka. Komitmen masyarakat dalam menjadikan fatwa sebagai panduan mereka dapat dilihat dari peningkatan pengetahuan dan perubahan hidup beragama.

5.4 Skim Tarbiah Ulama

Untuk menyampaikan ketentuan hukum syarak dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengannya, Jabatan Mufti Kerajaan telah menyedari tentang perlunya memantapkan institusi fatwa itu sendiri dengan mengadakan program-program untuk meningkatkan tahap ilmu dan kepakaran pegawai-pegawaiannya. Sehubungan dengan itu, Jabatan Mufti Kerajaan telah menetapkan bahawa antara tanggungjawabnya ialah memastikan kesinambungan institusi fatwa dalam mempertahankan hukum dan doktrin Islam dan menjalankan tanggungjawab memberi bimbingan mengenai hukum (Irsyad Hukum) dan kehendak-kehendak ugama Islam. Tanggungjawab ke atas kesinambungan itu menghendaki kepastian adanya ulama (pakar) pelapis dalam berbagai bidang melalui program latihan dan asuhan. Atas kesedaran tentang pentingnya program latihan dan asuhan berkenaan kepada Jabatan Mufti Kerajaan dan umat Islam, maka Jabatan Mufti Kerajaan telah merancang untuk mengadakan satu skim yang dinamakan **Skim Tarbiah Ulama Jabatan Mufti Kerajaan**. Skim tersebut telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan melalui warkah baginda bil: HMPO 27/1994 bertarikh 18 Julai 1995. Tujuan utama Skim ini ialah:

- i Kerjaya menjadi ulama (pegawai ilmu yang bukan pentadbir) adalah kerjaya mulia. Skim Tarbiah Ulama yang memberikan keistimewaan-keistimewaan tertentu dalam proses tarbiahnya akan menjadikan kerjaya ulama itu menarik.

- i . Setiap tahap keilmuan perlu diberi penilaian dan penghargaan yang selayaknya. Dalam ertikata lain pegawai ulama diberi skim kenaikan pangkat berdasarkan tahap keilmuannya.
- iii. Proses rancangan tenaga manusia untuk membanyakkan ulama pelapis yang akan menjamin kesinambungan fungsi institusi mufti dapat dipercepatkan.

Skim Tarbiah Ulama Jabatan Mufti Kerajaan adalah meliputi program-program dan skim-skim berikut:

- i. Program Tarbiah Pegawai.
- ii. Skim Galakan Penuntut.
- iii. Skim Anugerah Kecemerlangan.

Program Tarbiah Pegawai ialah program dimana seorang pegawai Jabatan Mufti Kerajaan, secara memohon, atau seseorang yang di ambil berkhidmat di Jabatan Mufti Kerajaan sebagai Ulama Tarbiah Fatwa disyaratkan menjalani program yang berterusan untuk meningkatkan tahap ilmu ugama melalui kursus-kursus formal dalam bidang-bidang yang khusus. Kursus-kursus formal berkenaan ialah:

- i. Kursus Ijazah Sarjana Muda.
- ii. Kurus Sarjana.

iii. Kursus Doktor Falsafah (PhD)

iv. Kursus Diploma Takhassus.

Bagi tujuan skim galakan penuntut, Jabatan Mufti Kerajaan boleh mengenal pasti penuntut-penuntut cemerlang dari kalangan penuntut-penuntut peringkat Diploma (seperti Diploma Pengajian Islam, Institut Pengajian Islam Brunei) dan penganjuran sarjana muda untuk faedah asuhan.


Sebagai dorongan semangat kearah meningkatkan tahap keilmuan dalam bidang pengajian ilmu agama Islam, Jabatan Mufti Kerajaan telah mengadakan Skim Anugerah Kecemerlangan. Skim ini adalah merupakan anugerah yang dikhaskan untuk peserta Skim Tarbiah Ulama yang memperolehi pencapaian yang cemerlang dalam program tarbiah formalnya.

5.5 Penilaian Terhadap Peranan Dan Sumbangan

Untuk memastikan peranan dan sumbangan yang diusahakan oleh Jabatan Mufti Kerajaan selama ini benar-benar berkesan dan mencapai matlamatnya, satu soal selidik mengenainya telah dijalankan. Soal selidik tersebut bertujuan untuk mengukur sejauh mana pengetahuan orang ramai tentang institusi fatwa dan sejauh mana fatwa memainkan perannanya dalam membantu meningkatkan kefahaman mereka terhadap ketentuan hukum syarak. Soal selidik ini juga meninjau tentang keberkesanannya fatwa dalam membentuk budaya dan kehidupan masyarakat.

Soalan-soalan yang diajukan dalam soal selidik ini lebih menjurus kepada aspek-aspek tertentu seperti mana lampiran G. Sebanyak lima puluh orang respondan yang dilibatkan dalam soal selidik ini. Golongan yang menjadi sasaran penulis adalah terdiri daripada kalangan masyarakat umum tanpa ada pengkhususan. Aspek-aspek tersebut ialah:

- i- Kefahaman masyarakat terhadap fatwa melalui soalan 5, 8 dan 11. Nisbah hasil analisa kajian mengenainya ialah 81.50 %.
- ii Kefahaman masyarakat terhadap institusi fatwa Negara Brunei Darussalam dan peranannya melalui soalan 6,7 dan 9. Nisbah hasil analisa kajian mengenainya ialah 87.33 %.
- iii- Perhatian dan penghormatan masyarakat terhadap fatwa melalui soalan 8, 10 dan 12. Nisbah hasil analisa kajian mengenainya ialah 82 %.
- i - Keberkesanan fatwa dalam meningkatkan pengetahuan masyarakat melalui soalan 13, 14, 15, 16, 17, 18 dan 19. Nisbah hasil analisa kajian mengenainya ialah 88.89 %.
- v- Pengamalan masyarakat terhadap isu-isu yang difatwakan melalui soalan 13, 14, 15 dan 18. Nisbah hasil analisa kajian mengenainya ialah 76 %.



Dari hasil soal selidik berkenaan, jelas menggambarkan bahawa para respondan secara keseluhannya memahami peranan Jabatan Mufti Kerajaan. Mereka dapat memahami dan menghayati serta mengamalkan ketetapan hukum yang difatwakan. Keadaan sedemikian menggambarkan bahawa fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan berjaya membimbing dan mendidik umat Islam di Negara Brunei Darussalam. Bukan sahaja setakat itu, bahkan orang ramai sangat memerlukannya dan mereka bersedia mengamalkannya.

5.6 Rumusan

Mengeluarkan fatwa dan menyebarluaskan ilmu-ilmu Islam adalah peranan utama Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan adalah merupakan sumbangan Jabatan Mufti Kerajaan dalam membantu kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara. Fatwa juga mampu membentuk kehidupan masyarakat Brunei mengikut nilai-nilai murni yang diajarkan oleh agama Islam. Ini menggambarkan bahawa kewujudan Jabatan Mufti Kerajaan adalah sangat penting sebagai sebuah institusi fatwa dalam membantu kerajaan dan masyarakat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran hidup beragama.

Kefahaman yang mantap, komitmen yang sungguh-sungguh dan semangat yang tinggi dari berbagai pihak, pada memartabatkan ketentuan hukum syarak, adalah merupakan faktor utama yang menjadikan fatwa sangat disenangi dan dihormati

sehingga menjadi panduan dan ikutan. Berbagai pihak telah berusaha mendapatkan fatwa Mufti Kerajaan untuk memastikan supaya setiap perkara yang hendak diambil tindakan tidak bercanggah dengan kehendak hukum Islam. Hal seumpama ini menggambarkan betapa tingginya semangat pemegang-pemegang kuasa dan masyarakat dalam menghayati ajaran Islam dan menjadikannya sebagai cara hidup di Negara Brunei Darussalam.

Walaupun peruntukan undang-undang bagi mewartakan fatwa telah disediakan, untuk tujuan penguatkuasaan fatwa berkenaan, namun dari apa yang telah dialami selama ini peranan fatwa itu lebih banyak bergantung kepada komitmen kerajaan dan masyarakat. Ini terbukti apabila pihak yang bertanggungjawab bertindak dengan kuasa yang mereka miliki sebaik sahaja mereka mendapat penjelasan melalui fatwa Mufti Kerajaan tanpa mempersoalkan pewartaannya. Tindakan seumpama ini menunjukkan kesedaran yang tinggi dalam hidup beragama di kalangan masyarakat dan semangat yang kuat dalam memuliakan dan mendaulatkan hukum Islam. Rasa tanggungjawab ini turut mendorong mereka akur kepada fatwa Mufti Kerajaan sebagai orang yang dipertanggungjawabkan memberikan penjelasan mengenai hukum syarak. Dengan budaya sedemikian, ajaran agama Islam itu dapat diikuti dan diamalkan secara padu dalam keadaan yang harmoni.

Jabatan Mufti Kerajaan telah menyusun beberapa aktiviti dalam usaha meningkatkan penyebaran ilmu-ilmu Islam. Program Irsyad Hukum dan program

Bersama Mufti berperanan memberi penjelasan dan bimbingan kepada orang ramai mengenai ketentuan hukum yang berkaitan dengan keadaan semasa. Untuk memudahkan orang ramai merujuk fatwa-fatwa Mufti Kerajaan, Jabatan Mufti Kerajaan telah membukukan fatwa-fatwa berkenaan. Selain itu, kandungan program-program Irsyad Hukum dan Bersama Mufti juga telah dibukukan untuk bacaan orang ramai. Dalam usaha menyampaikan maklumat semasa terutama wawasan, matlamat serta strategi jabatan, Jabatan Mufti Kerajaan telah menerbitkan surat berita (al-Hadaf) yang diedarkan secara percuma.

Dalam usaha memastikan wujudnya ulama (pakar) pelapis, Jabatan Mufti Kerajaan telah mengadakan Skim Tarbiah Ulama. Skim tersebut meliputi Program Tarbiah Pegawai, Skim Galakan Penuntut dan Skim Anugerah Kecemerlangan. Kursus-kursus formal yang dibenarkan melalui Skim Tarbiah Ulama ialah Kursus Ijazah Sarjana Muda, Kursus Sarjana, Kursus Doktor Falsafah (PhD) dan Kursus Diploma Takhassus.

Dari tinjauan penulis melalui soal selidik mengenai peranan dan sumbangan Jabatan Mufti Kerajaan menggambarkan bahawa masyarakat faham akan kepentingan fatwa dan institusi fatwa. Walaupun demikian Jabatan Mufti Kerajaan Perlu meningkatkan lagi usahanya dalam menyampaikan dan menyebarluaskan ilmu-ilmu Islam khususnya ketentuan-ketentuan hukum yang telah difatwakan oleh Mufti Kerajaan. Pendekatan yang berterusan akan mendorong orang ramai segera mematuhi

dan mengamalkan ketentuan hukum berkenaan. Dengan demikian agama Islam tidak lagi difahami dalam skop yang sempit bahkan lebih positif dari itu. Ia menjadi budaya dan cara hidup bermasyarakat dan bernegara.

RUJUKAN

¹ *Warta Kerajaan Brunei*, bil: 238 bertarikh 12 September 1961.

² Surah al-Ahzāb 33 : 4 - 5.

³ *Ibid.*

⁴ *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, bil: 33/MKB/PS/7/1987 Pt.II, bertarikh 16hb. Januari 1991.

⁵ *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, bil: 8/MKB/7/1991, bertarikh 16hb. Januari 1992.

⁶ *Ibid.*

⁷ Surah al-Isrā' 17 : 31.

⁸ *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, bil: 30/MKB/PS/1987 bertarikh 6 Julai 1988.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ *Ibid.*

¹² Memorandum Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama bil. JUB/142/81 bertarikh 22 November 1990 dan memorandum Pengarah Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama bil. JS/A/9/1990 bertarikh 3 Desember 1990.

¹³ *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, bil: 29/MKB/PS/7/1987 Pt.II bertarikh 2 Januari 1991.

¹⁴ Tempat raja dan raja isteri bersemayam.

¹⁵ Buku *Alat Kebesaran Diraja*, terbitan Jabatan Pusat Sejarah, Brunei, 1993, hlm 47.

¹⁶ Jabatan Penerangan, *Brunei Today*, Vol.7, No.4, Brunei, 1994, hlm 17.

¹⁷ *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, bil: 2/MKB/10/1972 bertarikh 26 Julai 1972.

¹⁸ Buku *Alat Kebesaran Diraja*, terbitan Jabatan Pusat Sejarah, Brunei, 1993, hlm 21.

¹⁹ *Ibid.* hlm 22.

²⁰ *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, bil: 5/MKB/27/1967 bertarikh 21 November 1968.

²¹ *Ibid.*

²² *Ibid.*

²³ *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, bil: 6/MKB/6/1972 bertarikh 19 Jun 1972.

²⁴ Suatu permintaan yang ditetapkan oleh bomoh sebagai ganjaran perkhidmatan yang diberikannya.

²⁵ *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, bil: 127/MKB 2/1971 bertarikh 23 Julai 1990.

²⁶ Surah Āli ‘Imran 3 : 97.

²⁷ Al-Naysābūrī, Muslim bin Hajāj, *Op. Cit*, bāb fard al-hajj marratan fi al-umr, Beirut, Juz 2, hlm 975.

²⁸ *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, bil: (237) dalam MKB 13/1967 Pt.3 bertarikh 28 Januari 1984.

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, bil: 126/MKB 3/1967 Pt.II bertarikh 22 Mei 1976.

³¹ *Ibid.*

³² *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, bil: 100/MKB/33/1967 Pt.II bertarikh 3 Februari 1979.

³³ Surah al-Mā'idah 5 : 3.

³⁴ *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, bil: 166/MKB/31/1967 Pt.II bertarikh 17 Disember 1980.

³⁵ Jabatan Penerangan, *Pelita Brunei*, keluaran Hari Rabu, 23 Julai 1997.

³⁶ Jabatan Mufti Kerajaan, *Fatwa Mufti kerajaan sepanjang 1994-1995*, Brunei, 1996, hlm 12.

³⁷ Pelita Brunei ialah akhbar resmi Kerajaan yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri pada setiap Hari Rabu. Akhbar tersebut dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam dan diedarkan kepada orang ramai secara percuma.